



# UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

☎: +609-6684111

☎: +609-6684217

🌐: [www.umt.edu.my](http://www.umt.edu.my)

✉: [pejabat.bendahari@umt.edu.my](mailto:pejabat.bendahari@umt.edu.my)

PEJABAT BENDAHARI  
BURSAR OFFICE

Rujukan : UMT/BEND/100-4/5 JLD.2(3)

Tarikh : 22 Februari 2023

Bersamaan : 01 Sya'aban 1444H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab  
Universiti Malaysia Terengganu

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

Y. Bhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

## SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 2 TAHUN 2023

### KADAR YURAN PERKHIDMATAN BAGI PROGRAM PENGAJIAN PRASISWAZAH, UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)

#### 1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai kadar baharu yuran perkhidmatan bagi program pengajian prasiswazah Universiti Malaysia Terengganu.

#### 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Yuran perkhidmatan merupakan yuran berulang yang dikenakan pada setiap semester.
- 2.2 Kadar sedia ada yang diguna pakai sebelum ini adalah kadar yang telah diluluskan pada tahun 2004 seperti Jadual 1 berikut:

1 | 3

<b>Pelajar</b>	<b>Kadar</b>
Prasiswazah	RM150 per semester <i>(Diploma &amp; Sarjana Muda)</i> RM50 per semester <i>(Asasi STEM)</i>
Pascasiswazah	RM200 per semester

*Jadual 1 : Kadar sedia ada yuran perkhidmatan yang diluluskan pada tahun 2004*

2.3 Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) Kali ke-60 (Bil. 1 Tahun 2023) pada 05 Februari 2023 telah bersetuju menetapkan kadar baharu bagi yuran perkhidmatan ini atas justifikasi berikut:

- a. kadar sedia ada tidak pernah disemak sejak diluluskan penguatkuasaannya pada 2004;
- b. ianya tidak lagi relevan dengan kos yang ditanggung oleh universiti bagi penyediaan perkhidmatan berkaitan;
- c. kadar baharu ini (bagi Diploma & Prasiswazah) adalah sama dengan kadar yuran perkhidmatan yang dikenakan kepada pelajar pascasiswazah yang menerima perkhidmatan yang sama; dan
- d. kadar baharu yang ditetapkan adalah setara dengan kadar yuran perkhidmatan yang dicaj oleh universiti awam pantai timur.

### **3. KADAR YURAN PERKHIDMATAN BAGI PROGRAM PENGAJIAN PRASISWAZAH UMT**

Kadar baharu yuran perkhidmatan bagi program pengajian prasiswazah UMT adalah seperti Jadual 2 berikut:

<b>Pelajar</b>	<b>Kadar</b>
<b>Asasi STEM</b>	<b>RM100</b>
<b>Diploma &amp; Prasiswazah</b>	<b>RM200</b>

*Jadual 2: kadar baharu yuran perkhidmatan bagi program pengajian prasiswazah UMT*

#### **4. TARIKH KUATKUASA**

Penguatkuasaan kadar baharu bagi yuran perkhidmatan ini mulai Semester I, Sesi 2023/2024 (Jun dan Oktober 2023) dan ianya perlu dibaca bersama Pekeliling Bendahari Bil. 16 Tahun 2022 -Peraturan Pembayaran Yuran Pelajar di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) Edisi 2022.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**AZIZAH BINTI HASAN**

Bendahari  
Universiti Malaysia Terengganu

s.k:

1. Naib Canselor
2. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
4. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
5. Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat, Jaringan Industri dan Masyarakat)
6. Penolong Naib Canselor (Strategi dan Prestasi)
5. Fail